

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Wacana)

Hari/Tarikh: 8/9/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Unimas Pilihan Pelajar.

Unimas pilihan pelajar

FENNY SILONG

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) bukan sahaja menjadi pilihan pelajar normal malah pelajar dari golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Menurut Nur Azman Junaini, 20, yang patah kaki akibat kemalangan jalan raya pada tahun ini, persekitaran Unimas lebih mesra OKU apabila terdapat lorong khas disediakan untuk pelajar tersebut.

"Selain faktor dekat dengan keluarga, saya memilih Unimas kerana kemudahan disediakan yang memang memudahkan pergerakan OKU seperti saya," katanya yang berasal dari Taman Sukma.

Beliau yang mengambil jurusan Teknologi Maklumat menambah, rakan sebaya sangat mempengaruhinya untuk meneruskan pengajian apabila kawan-kawan di sekeliling sanggup menghulurkan bantuan pada bila-bila masa.

Seorang lagi pelajar OKU, Teo Suat Nie, 21, yang cacat penglihatan berasa sangat gembira

apabila diterima untuk melanjutkan pengajian di Unimas. "Kekurangan yang saya alami tidak pernah melunturkan semangat untuk terus belajar dalam mengejar cita-cita menjadi seorang pensyarah," katanya yang berasal dari Johor. Beliau yang pertama kali datang ke Sarawak mengalami cacat penglihatan sejak umur enam tahun juga mendapat sokongan padu daripada rakan-rakannya.

"Saya datang ke Unimas ditemani oleh ibu bapa. Saya mengambil bidang Pengurusan Korporat. Dalam sesi pembelajaran pula, saya mempunyai sebuah komputer riba yang dilengkapi dengan persian untuk golongan cacat penglihatan seperti saya. Justeru, saya sangat bersemangat untuk terus belajar," katanya yang merupakan anak bongsu daripada tiga adik-beradik.

Sementara itu, pelajar normal dari Johor, Saleha Yahya, 19, berkata, persekitaran Unimas mengagumkan dan negeri Sarawak secara keseluruhan nya.



TEO SUAT NIE



SALEHA YAHYA



RAS AZELIA REZDUAN
RELINATHAN

"Ini kali pertama saya datang ke Sarawak. Negeri ini lebih tenang jika dibandingkan dengan negeri di Semenanjung Malaysia. Unimas juga memiliki persekitaran menarik," katanya yang mengambil jurusan Sains Kognitif.

Ras Azelia Rezduan Relinathan, 21, dari Kuala Lumpur berharap beliau dapat menamatkan pen-

gajian dalam masa yang ditetapkan.

"Saya memang memilih Unimas kerana ingin keluar dari kesibukan bandar dan pilihan untuk belajar di sini sangat tepat."

"Suasana di sini memang tenang meskipun ini adalah pertama kali saya ke Sarawak," ujarnya yang mengambil jurusan Ekonomi.